

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 JANUARI 2018 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Fenomena kesan monsun, faktor angin Siberia	Berita Harian
2.	Amaran cuaca buruk berterusan di Pahang, Johor	Sinar Harian
3.	Teruja cuaca sejuk	Berita Harian
4.	Suhu sejuk: jangan percaya mesej tular	Utusan Malaysia
5.	Meteorologi nafi suhu terendah 17 darjah Celcius	KOSMO
6.	Meteorologi sahkan penurunan suhu, Kuala Pilah catat 21 darjah celcius	BERNAMA
7.	Jurong West catat suhu terendah 21.4 darjah Celcius di Singapura	BERNAMA
8.	Cold snap grips the peninsula	The Star
9.	Jumlah mangsa banjir di Segamat dan Mersing kekal 127 orang	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 13 JANUARI 2018 (SABTU)

CUACA SEJUK 21 DARJAH CELSIUS

Fenomena kesan monsun, faktor angin Siberia

Keadaan dingin dijangka berterusan dua hari lagi

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur

Cuaca sejuk sekitar 21 darjah Celsius yang melanda negara ketika ini adalah disebabkan tiupan angin lulur sejuk yang berlaku ketika monsun timur laut akibat pengukuh sistem tekanan udara tinggi Siberia-Mongolia yang membawa cuaca sejuk dari utara ke China dan memasuki Laut China Selatan sebelum bergerak ke Malaaysia.

Profesor Klimatologi dan Oseanografi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Fredolin Tangang, berkata cuaca sejuk seperti ini akan berlalu dua tiga hari lagi dengan kawasan di Johor dan Sarawak akan berlaku hujan lebat.

Beliau berkata, keadaan hujan dan berawan dan cuaca sejuk yang berlaku sekarang juga disebabkan sebagaimanya ditokok tambah oleh fenomena 'Madden-Julian Oscillation (MJO)' atau Ayunan Madden-Julian.

"Fenomena MJO adalah sebahagian keragaman iklim dalam mu-

sim di kawasan tropika yang berayun dengan kekerapan sekali dalam tempoh 20/60 hari," katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas mengenai cuaca sejuk di beberapa tempat di negara ini sejak beberapa hari lalu.

Malah, Perdana Menteri, Dato Seri Najib Razak, dalam catatan di media sosial ketika tiba di tanah air pagi semalam, berkata cuaca sejuk di Malaysia sama seperti ketika beliau berada di Jeddah.


Fenomena MJO serentak

Prof Fredolin berkata, menurut kajian beliau di UKM, jika fenomena MJO ini berlaku secara serentak dengan maka keadaan penurunan hujan lebih tinggi.

Beliau berkata, tiupan udara tekanan tinggi Siberia-Mongolia juga ada kaitannya dengan fenomena "bom siklon" yang menyebabkan cuaca sejuk di timur Amerika Syarikat (AS) dan Kanada sehingga mencatat suhu bawah paras beku.

Beliau menjelaskan selain angin sejuk kebiasaannya pergerakan angin monsun timur laut membawa bersama hujan lebat ke kawasan

PERTEMBUNGAN ANGIN MONSUN TIMUR LAUT DAN TEKANAN TINGGI UDARA SIBERIA-MONGOLIA



Info

Kawasan yang pernah mencatatkan suhu terendah pada 2014:

3 Februari 2014

- Kota Bharu, Kelantan: 17.8°C
- Gong Kedak, Terengganu: 17.6°C
- Kuala Krai, Kelantan: 15.7°C

4 Februari 2014

- Chuping, Perlis: 16.1°C
- Butterworth, P Pinang: 19.0°C
- Kuala Kangsar, Perak: 17.2°C

Cuaca sejuk perkara biasa

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Alui Bahari, berkata cuaca sejuk seperti ini adalah perkara biasa ketika musim monsun timur laut dari November hingga hujung bulan ini dan pernah berlaku pada 2014.

Katanya, pada 2014, cuaca paling rendah dicatatkan di Kuala Krai, Kelantan dengan suhu turun hingga 15.7 darjah Celsius susulan kerana tiupan angin timur laut.

"Hari ini (semalam), suhu paling rendah dicatatkan di Kuala Pilah iaitu 21 darjah Celsius. Tempat lain di Semenanjung, suhu sejuk sekiranya 22 sehingga 23 darjah Celsius.

"Suhu akan turun lebih rendah pada waktu tengah malam dan awal pagi sehingga mencecah 20 darjah Celsius," katanya.

Sebelum ini, aplikasi ramalan cuaca Malaysia, Met Office, memaparkan cuaca di Lembah Klang turun sekira 22 darjah Celsius.



Amaran cuaca buruk berterusan di Pahang, Johor



KUALA LUMPUR - Cuaca buruk dengan hujan lebat dijangka berterusan di Segamat, Mersing, dan Kota Tinggi di Johor serta daerah Rompin, Pekan dan Kuantan di Pahang, demikian menurut Jabatan Meteorologi Malaysia.

Ketua Pengarahnya Alui Bahari berkata, amaran cuaca buruk itu adalah bagi tempoh sehingga tengah malam ini.

Pada masa sama, kebanyakan negeri di Semenanjung sedang mengalami suhu rendah berbanding kebiasaan berikutan cuaca mendung, hujan berterusan dan pergerakan tiupan angin sejuk monsun timur laut.

"Keadaan ini dijangka berterusan sehingga esok.

"Berikutan liruan angin timur laut ini, angin kencang melebihi 60 kilometer sejam dengan ketinggian ombak melebihi 4.5 meter dijangka berlaku di perairan pantai timur Semenanjung sehingga esok," katanya dalam kenyataan hari ini.

**BERITA ONLINE
BHARIAN.COM.MY
TARIKH: 13 JANUARI 2018 (SABTU)**



MUHAMMAD Afizee Abu Bakar (tengah), Muhamad Airiel Hakeem Mohd Afiza (kiri) dan Nur Airiena Harissha Mohd Afiza menunggang basikal sambil memakai baju tebal ketika ditemui di Kuala Pilah. - Foto Amran Yahya

Teruja cuaca sejuk

KUALA PILAH: Cuaca sejuk daripada biasa hingga mencecah 21 darjah Celcius direkodkan di daerah ini, mencetus fenomena baru bagi penduduk yang mengakui tidak pernah merasai suasana sedemikian, sebelum ini.

Keadaan itu menyebabkan sebahagian mereka, terutama kanak-kanak berpakaian tebal pada waktu pagi dan malam, walaupun ketika berada di dalam rumah.

Seorang guru, Mohd Afiza Abu Bakar, 39, berkata fenomena berkenaan agak luar biasa bagi penduduk di daerah berkenaan yang sudah biasa dengan cuaca panas.

"Cuaca sejuk memang pernah berlaku di daerah ini dua tahun lalu berpunca daripada tempias tiupan angin luruan disebabkan tekanan tinggi di China.

"Bagaimanapun, ketika itu suhu tidak sejuk seperti kali ini yang diikuti hujan tanpa henti. Saya mengarahkan semua ahli keluarga memakai pakaian tebal dan menggunakan selimut ketika tidur," katanya ketika ditemui di rumahnya di Batu Kikir di sini, hari ini.

Sementara itu, anak lelakinya, Muhamad Airlie Hakeem, 18, berkata suasana sejuk ketika ini membuatkan dia berasa seperti berada di Cameron Highlands.

"Kami pernah beberapa kali pergi ke Cameron Highlands dan suka dengan cuaca serta suhu di tanah tinggi itu. Justeru, kami gembira kerana suasana sedemikian dirasai di Batu Kikir," katanya.

Semalam, **Jabatan Meteorologi** mengesahkan beberapa kawasan terutama di selatan Semenanjung mengalami penurunan suhu dengan Kuala Pilah merekodkan paling rendah iaitu 21 darjah Celsius sejak tengah malam hingga awal pagi.

Sementara itu, Pengarah Meteorologi Negeri Sembilan, Mohammad Redzuan Abdul Moin, ketika dihubungi berkata cuaca sejuk itu dijangka kembali seperti biasa hari ini.

Beliau berkata, sejak tujuh hari lalu, suhu maksimum direkodkan di daerah ini adalah 29 darjah Celcius manakala suhu terendah adalah 21 darjah Celcius.

Suhu sejuk: Jangan percaya mesej tular



Gambar yang tular baru-baru ini, Jabatan Meteorologi memaklumkan suhu sekarang ini tidaklah dalam keadaan yang terlampau sejuk sehingga 17 darjah Celsius seperti yang tular, sebaliknya ia suhu yang selesa bagi rakyat Malaysia. - UTUSAN/Gambar hiasan

KUALA LUMPUR 13 Jan. - **Jabatan Meteorologi** tidak pernah mengeluarkan apa-apa kenyataan berbentuk amaran berkenaan cuaca sejuk yang melanda negara kini seperti yang tular di media sosial sejak malam tadi.

Ketua Pengarahnya, Alui Bahari berkata, pihaknya hanya akan memberikan kenyataan kepada media sekiranya diminta dan berharap orang ramai tidak mempercayai maklumat yang disebarluaskan melalui media sosial sewenang-wenangnya.

"Maklumat berkenaan cuaca dan suhu di negara ini boleh didapati di laman web rasmi Jabatan Meteorologi Malaysia pada pautan www.met.gov.my dan aplikasi MyCuaca yang dibangunkan oleh Jabatan Meteorologi.

"Tambahan lagi, suhu sekarang ini tidaklah dalam keadaan yang terlampau sejuk sehingga 17 darjah Celsius seperti yang tular, sebaliknya ia suhu yang selesa bagi rakyat Malaysia. Saya harap tidak timbul situasi panik dalam kalangan orang ramai," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Pagi ini mesej berkenaan cuaca sejuk yang didakwa bersumberkan Jabatan Meteorologi tular melalui aplikasi Whatsapp yang antara lain mendakwa kawasan seperti Kuala Krai dan Alor Setar akan mencatatkan penurunan suhu sehingga 17 hingga 18 darjah Celsius hari ini. - UTUSAN ONLINE

Infografik

Cuaca dan suhu bandar-bandar utama sepanjang 13 Januari 2018:

1. Arau, Perlis - cerah - 21-30 Celsius
2. Alor Setar, Kedah - cerah - 21-31 Celsius
3. Perai, Pulau Pinang - cerah - 21-30 Celsius
4. Ipoh, Perak - cerah - 24-31 Celsius
5. Shah Alam, Selangor - hujan - 22-27 Celsius
6. Kuala Lumpur - hujan - 22-26 Celsius
7. Bandar Melaka, Melaka - hujan - 22-26 Celsius
8. Seremban, Negeri Sembilan - hujan - 22-27 Celsius
9. Johor Bahru, Johor - hujan - 22-25 Celsius
10. Kuantan, Pahang - hujan - 23-28 Celsius
11. Kuala Terengganu, Terengganu - hujan - 24-29 Celsius
12. Kota Bharu, Kelantan - 24-29 Celsius
13. Kota Kinabalu, Sabah - mendung - 24-32 Celsius
14. Kuching, Sarawak - cerah - 24-32 Celsius

Sumber : aplikasi MyCuaca, Jabatan Meteorologi Malaysia



Meteorologi nafi suhu terendah 17 darjah Celsius

SIARAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

13 JANUARI 2018

PENAFIAN TULAR SUHU RENDAH DI SELURUH NEGARA

Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) menafikan tular berkaitan suhu terendah yang tersebar luas melalui media sosial. Tular tersebut mengenai "Malaysia mengalami penurunan suhu berikutan hujan tanpa henti dibeberapa kawasan barat Malaysia yang disebabkan perubahan tolakan angin monsun dari Filipina. Tular tersebut menasihatkan untuk memakai baju tebal pada malam ini bagi mengelakkan suhu badan turun secara mendadak seterusnya membawa demam panas".

Suhu minimum yang direkodkan hari ini (13 Januari 2018) ialah 21°C di Mersing dan Kuala Pilah. Manakala kawasan-kawasan lain merekodkan suhu minimum sekitar 22°C yang lazimnya berlaku pada waktu awal pagi. Keadaan ini berlaku berikutan cuaca mendung, hujan berterusan dan pergerakan tiupan angin sejuk monsun timur laut yang dijangkakan akan berterusan sehingga Ahad, 14 Januari 2018.

Maklumat sahih berkaitan cuaca boleh diperolehi melalui laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia (www.met.gov.my), aplikasi mobil (myCuaca), media sosial (facebook: malaysiamet dan twitter: @malaysianmet) dan Hotline MMD di talian 1 300 22 1MET (1638).

Kenyataan akhbar Jabatan Meteorologi Malaysia.

KUALA LUMPUR - **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini menafikan mengeluarkan maklumat berhubung penurunan suhu sehingga 17 darjah Celsius yang kini tular menerusi media sosial.

Dalam satu kenyataan di sini, jabatan itu berkata suhu minimum yang direkodkan hari ini ialah 21 darjah Celsius di Mersing dan Kuala Pilah manakala kawasan-kawasan lain merekodkan suhu minimum sekitar 22 darjah Celsius yang lazim berlaku pada awal pagi.

"Keadaan ini berlaku berikutan cuaca mendung, hujan berterusan dan pergerakan angin sejuk monsun timur laut yang dijangka berterusan sehingga Ahad (esok)," demikian menurut kenyataan itu.

Jabatan tersebut turut menasihati orang ramai mendapatkan maklumat sahih berkaitan cuaca menerusi laman sesawangnya di www.met.gov.my atau aplikasi mudah alih (myCuaca), laman Facebook malaysiamet, Twitter @malaysianmet dan talian 1 300 22 1MET (1638).

Maklumat yang tular itu antara lain mendakwa berdasarkan 'Info Cuaca Jabatan Meteorologi Malaysia' seluruh negara mengalami penurunan suhu dengan Tawau mencatatkan suhu terendah pada 17.6 darjah Celsius serta menasihati orang ramai memakai baju tebal pada malam ini bagi mengelakkan suhu badan turun secara mendadak dan seterusnya membawa demam panas. - Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 13 JANUARI 2018 (SABTU)



Meteorologi Sahkan Penurunan Suhu, Kuala Pilah Catat 21 Darjah Celsius



KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini mengesahkan beberapa kawasan terutama di selatan Semenanjung mengalami penurunan suhu dengan Kuala Pilah di Negeri Sembilan merekodkan suhu paling rendah pada 21 darjah Celsius sejak tengah malam tadi hingga awal pagi.

Ketua Pengarahnya Alui Bahari berkata bagaimanapun keadaan itu adalah fenomena biasa ketika musim monsun timur laut.

"Cuaca mendung, hujan berterusan dan pergerakan tiupan angin sejuk monsun timur Laut merupakan antara faktor cuaca sejuk yang melanda beberapa negeri di Semenanjung sejak semalam."

"Cuaca sejuk ini berlaku terutamanya di kawasan pedalaman dan daratan dengan sejak tengah malam semalam hingga awal pagi ini, stesen meteorologi dari selatan Semenanjung hingga ke Johor mencatatkan suhu 22 darjah Celsius minimum dan maksimum 25 darjah Celsius berbanding suhu biasa 30 hingga 31 darjah Celsius," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai isu suhu sejuk melanda beberapa negeri yang ditularkan menerusi media sosial sejak beberapa hari lalu.

Mengulas lanjut, Alui berkata perubahan suhu itu turut disumbangkan oleh keadaan berawan dan hujan renyai di beberapa negeri termasuk Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka serta hujan sederhana di Pahang dan Johor.

"Kita jangka keadaan akan kembali normal hari ini selepas hujan reda," katanya menambah fenomena itu tidak melanda negeri-negeri di utara Semenanjung.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 13 JANUARI 2018 (SABTU)



Jurong West Catat Suhu Terendah 21.4 Darjah Celsius Di Singapura

SINGAPURA, 12 Jan (Bernama) -- Jurong West mencatatkan suhu terendah di Singapura iaitu 21.4 darjah Celsius setakat pukul 4 petang tadi.

Singapura terus mengalami cuaca sejuk dan hujan berikutan pergerakan angin monsun," kata Agensi Alam Sekitar Kebangsaan (NEA) dalam ramalan cuaca terkini yang dikeluarkannya.

NEA berkata suhu paling tinggi ialah 24.7 darjah Celsius di Sentosa.

Semalam, Jurong West juga mencatatkan suhu terendah 21.6 darjah Celsius dan suhu minimum harian di lokasi-lokasi lain ialah antara 21.7 darjah Celsius dan 23.1 darjah Celsius, kata NEA.

Menurut NEA, sejak lima tahun lalu, suhu di bawah 21.4 darjah Celsius di republik itu telah dicatatkan pada 2013 (20.0 darjah Celsius), 2014 (20.1 darjah Celsius) dan 2016 (21.2 darjah Celsius).

Agensi kaji cuaca itu berkata musim hujan sekarang dijangka reda secara beransur-ansur pada hujung minggu.

Untuk beberapa hari akan datang, suhu terendah diramalkan antara 22 darjah Selsius dan 24 darjah Celsius, kata agensi itu.

Di Malaysia, Kuala Pilah, Negeri Sembilan ialah antara tempat yang mencatatkan suhu rendah 21 darjah Celsius sejak tengah malam lebih rendah daripada biasa 31 darjah Celsius hingga 32 darjah Celsius, menurut Jabatan Meteorologi.

Cameron Highlands dilaporkan mencatatkan suhu 15 darjah Celsius hari ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari berkata cuaca sejuk ialah fenomena biasa semasa musim monsun timur laut dari November hingga Mac.

-- BERNAMA

Cold snap grips the peninsula

Temperatures dip to 22°C with Camerons recording 15°C

PETALING JAYA: It has been cold, damp and, in some places, extremely wet. The warm clothes are out and people are all wrapped up. The west of Peninsular Malaysia is in the grip of a cold snap, with the Klang Valley experiencing the coldest weather it had in months, with temperatures dipping to 22°C.

Kuala Pilah in Negri Sembilan was among the places that registered a low 21°C since midnight, very much lower than the normal 31°C to 32°C, according to the Meteorological Department.

For once, Cameron Highlands felt like Europe, reportedly recording 15°C yesterday.

Meteorological Department director-general Alui Bahari said the cold weather was the usual phenomenon during the period of the northeast monsoon, from November to March.

"An overcast sky, incessant rain and the cold monsoon wind are among the factors causing the cold

The rainy season in the area is pushing the north-eastern wind and the clouds to the west.

MetMalaysia

weather in several peninsula states.

"The cold weather occurs mainly in the interior and inland areas. Between midnight and early today, the meteorological stations in southern Peninsular Malaysia recorded a minimum 22°C and a maximum 25°C compared to the normal 30°C to 31°C," he said.

Alui said the situation also occurred because it was cloudy and drizzling in several states such as

Selangor, Negri Sembilan, Melaka and there was moderate rain in Pahang and Johor.

"However, the states in northern Peninsular Malaysia did not experience a big drop in temperature," he said, adding the weather is expected to return to normal after the rain eases off.

On Twitter, Malaysians expressed shock at the cool weather, but they were loving it, too.

"The weather in Malaysia is actually cold. This literally does not happen all the time living in a tropical climate," @mabesew wrote.

Even Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak weighed in on the weather discussion upon his arrival home from Saudi Arabia, tweeting yesterday morning: "Wah, it's really cold in Malaysia today, like Jeddah! Alhamdulillah back home safe."

Some netizens, however, lamented having to be all wrapped up in Malaysia.

"I had to wear a jacket, which feels dumb in the tropics," tweeted @diandjour.

The big question now is how long the cold snap is going to last.

Some weather forecasters have said that many parts of Malaysia will stay cool and cloudy for a while but the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) says there is no sign of temperatures dipping further.

It said the current phenomenon is actually due to the north-east monsoon affecting the east coast of the peninsula.

"The rainy season in the area is pushing the north-eastern wind and the clouds to the west.

"That is why we have seen less sun these past few days and the temperature has not risen," said a MetMalaysia spokesman.

He added that the cold spell is expected to end tomorrow.

"We can expect to see more sun from Sunday onwards," he said.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 13 JANUARI 2018 (SABTU)



Jumlah Mangsa Banjir Di Segamat Dan Mersing Kekal 127 Orang

JOHOR BAHRU, 12 Jan (Bernama) -- Jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di empat pusat pemindahan sementara (PPS) di Segamat dan Mersing kekal 127 orang daripada 32 keluarga setakat 4 petang tadi.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri Datuk Ayub Rahmat berkata seramai 64 mangsa daripada 16 keluarga masih berada di PPS Balai Raya Gemerah Balai Badang dan Balai Raya Kampung Pogoh di Segamat.

"Sementara itu, Balai Raya Kampung Tenglu Besar dan Sekolah Kebangsaan Air Papan di Mersing pula menempatkan 63 mangsa daripada 16 keluarga," katanya dalam kenyataan, di sini.

Ayub berkata pemantauan berterusan dilakukan di kawasan terjejas banjir oleh pelbagai agensi dan pejabat daerah.

Sementara itu, **Jabatan Meteorologi** petang ini mengeluarkan amaran cuaca buruk dengan hujan lebat dijangka berterusan berlaku di daerah Segamat, Kluang, Mersing, Kota Tinggi, Johor Bahru dan Kulai manakala amaran cuaca waspada di daerah Tangkak, Muar, Batu Pahat dan Pontian.

-- BERNAMA